

Berita Ba UTeM



www.utm.edu.my | edisi Februari & Mac 2013



UTeM Cemerlang Raih **16 Pingat**
di **MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2013**



Majlis Perasmian

BlueDot
PUSAT INOVASI KREATIF



UTeM Terima Sijil Penubuhan

POLIS BANTUAN



Majlis Pelancaran
**GRADUATE INDUCTION PROGRAM &
INDUSTRIAL DEVELOPMENT PROGRAM**

ISSN 1985 - 4706



9 771985 47 0003

Isi Kandungan Februari & Mac

- 2 Naib Canselor adakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Tun Canselor
- 3 Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Rasmikan Blue Dot
- 4 Majlis Pelancaran GRIP & INDEP
- 5 UTeM Terima Sijil Penubuhan Polis Bantuan
- 6 UTeM Tuan Rumah Majlis Penutup Menyuarat Plenari ASEA UNINET kali ke 13
- 7 UTeM Kekalkan Status Kampus Bebas Asap Rokok
- 8 UTeM Cemerlang Raih 16 Pingat di MTE 2013
- 9 PUSPANITA Cawangan UTeM Bertekad Terajui Kecemerlangan Komuniti
- 10 Kamival Pengajian Tinggi Negara 2013 Zon 4 Capai Sasaran
- 11 Kunjungan Ilmiah USIM ke Pejabat Pendaftar UTeM
- 12 MPP UTeM Bantu Pelajar Manfaat BB1M Kolej Kediaman UTeM anjur Kempen 3S
- 13 150 Mahasiswa Hadiri Kursus Fasilitator MPP anjur Makan Malam Perdana
- 14 FPTT Sumtik Semangat Mahasiswa Ceburi Bidang Keusahawanan
- 15 Pelajar FTK antara 5 Terbaik Dalam Pertandingan Inovasi FTK Lancar Aplikasi iFTK Untuk iPad
- 16 Kursus Pengurusan Sukan 2013
- 17 Mahasiswa UTeM Meriahkan sambutan Pesta Ponggal Unit Kaunseling Pelajar anjur Program Ceria Minda Sejahtera Kehidupan
- 18 Mahasiswa UTeM didedah Budaya Serumpun di Sumatera Barat
- 19 Mahasiswa FPTT Ikuti Program Cabaran Interaktif Pengguna
- 20 PERINTIS : Pejabat Pembangunan
- 21 Rakan Exco Bantu MPP Laksana Tanggungjawab Lebih Berkesan Mahasiswa UTeM Johan Pidato Kenegaraan
- 22 Program Memperkasa Tokoh Nilam Kompleksi Keratan Akhbar Feb/Mac
- 24 UTeM Ungguli Kamival Sukan IPT Negeri Melaka 2013



Naib Canselor adakan *Kunjungan Hormat* Ke PEJABAT TUN CANSELOR

13 Februari : Naib Canselor, Prof. Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Hassan diiringi Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail serta Pendaftar, Datuk Hasan Sirun telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob yang juga Canselor UTeM bagi memaklumkan perkembangan dan pencapaian semasa universiti ini.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor membentangkan perkembangan terkini UTeM meliputi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan pihak pengurusan universiti pada masa hadapan.

Tun Mohd Khalil turut dipersembahkan dengan buku terbitan khas sempena Majlis Konvokesyen Ke-8 UTeM, buku terbitan khas program PINTAR serta Pelan Strategik UTeM 2012-2020.



Y.B. MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



29 Mac : Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin hari ini merasmikan Blue Dot: Pusat Inovasi Kreatif yang terletak di Bangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Kampus Industri di Ayer Keroh.

Naiab Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu menyampaikan ucapannya berkata, nama Blue Dot lahirnya dari strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy) yang dihubungkan melalui titik-titik penting dalam satu ekosistem dan berfokus kepada bidang yang berimpak iaitu automatif dan pembuatan termaju.

"UTeM sebagai satu daripada titik yang wujud bertindak sebagai hub dan pemudah cara serta ejen platform pemangkin. Kesemua titik ini mewakili kerjasama inovasi dihubungkan antara satu sama lain yang akhirnya menghasilkan kitaran atau ekosistem inovasi lengkap membawa kepada penjana idea dan prototaip hinggalah ke tahap pengkomersilan," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Blue Dot: Pusat Inovasi Kreatif merupakan projek yang telah dicetuskan sejak tahun 2011, berfungsi mewujudkan satu ekosistem merangkumi rangkaian pendidikan dari peringkat sekolah, kolej, politeknik hingga ke peringkat universiti bersama industri dan komuniti di dalam memartabatkan budaya inovasi berfokuskan bidang industri automatif dan pembuatan termaju.

Pada majlis pelancaran tersebut, rakan-rakan industri yang menyertai Blue Dot mempamerkan produk inovasi masing-masing untuk dikongsikan bersama hadirin dan pameran tersebut nyata memberi inspirasi kepada golongan pelajar dan mahasiswa untuk meneroka kreativiti bagi menghasilkan sesuatu ciptaan berimpak tinggi.

Majlis Pelancaran

GRADUATE INDUCTION PROGRAM & INDUSTRIAL DEVELOPMENT PROGRAM

8 Mac : Kebolehpasaran graduan dalam bidang kejuruteraan berteknologi tinggi bakal ditingkatkan melalui kerjasama erat di antara institusi pengajian tinggi dan pihak industri selaras dengan matlamat kerajaan ke arah status negara maju.

Bertempat di Western Digital Media Pasir Gudang telah berlangsungnya Majlis Pelancaran Graduate Induction Program (GRIP) dan Industrial Development Program (INDEP) yang disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin hari ini.

Dalam ucapannya, Mohamed Khaled melahirkan harapan tinggi agar program yang melibatkan institusi pengajian tinggi, politeknik serta kolej komuniti ini bakal menyumbang kepada keperluan tenaga mahir negara khususnya dalam teknologi penyimpanan data.

Melalui GRIP dan INDEP, pelajar peringkat ijazah sarjana muda dan diploma dalam bidang elektronik, teknologi maklumat, mekatronik serta pembuatan akan menjalani latihan praktikal di Western Digital serta diberi bimbingan berterusan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang khusus yang dikenalpasti.





UTeM Terima Sijil Penubuhan **POLIS BANTUAN**

20 Mac : Pejabat Keselamatan UTeM mencipta sejarah apabila mendapat kelulusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan warga kampus ini.

Bertempat di Auditorium Canselor, Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Penubuhan Polis Bantuan telah berlangsung disaksikan staf Pejabat Keselamatan dan pengurusan tertinggi universiti.

Pengarah Pengurusan PDRM Bukit Aman, Yang Dihormati CP Datuk Mortadza Nazarene hadir menyempurnakan majlis tersebut dengan menyerahkan sijil kelulusan itu kepada Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Dalam ucapannya, CP Datuk Mortadza melahirkan penghargaan kepada UTeM di atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam mewujudkan persekitaran kampus yang selamat dengan tertubuhnya pasukan Polis Bantuan.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui media menjelaskan bahawa UTeM akan mempergiatkan usaha meneroka kerjasama strategik dengan PDRM khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi selain jalinan sedia ada melalui pasukan SUKSI dan Polis Bantuan.

Bersempena majlis tersebut, turut diadakan penyerahan Tabung Wira Lahad Datu Media Prima berjumlah RM 13,000 kepada Ketua Biro berita Harian Melaka, Amirullah Andi Nur. Sumbangan itu merupakan hasil kutipan warga UTeM yang prihatin terhadap pengorbanan anggota keselamatan yang sedang bertugas di Sabah.





UTeM Tuan Rumah MAJLIS PENUTUP MESYUARAT PLENARI ASEA UNINET Kali Ke-13

21 Februari : UTeM dipilih selaku tuan rumah majlis penutup Mesyuarat Plenari Rangkaian Universiti Asia Tenggara- Eropah (ASEA UNINET) 2013 kali ke-13 yang berlangsung hari ini di Dewan Besar.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, ASEA UNINET merupakan platform pertemuan antara universiti-universiti serantau dan eropah untuk berganding bahu menjayakan agenda kecemerlangan akademik.

Jelas beliau, ASEA UNINET berperanan menggalakkan kerjasama akademik di antara ahli anggota termasuklah program pertukaran pelajar, staf serta jalinan penyelidikan bersama selain mempromosikan aktiviti saintifik, kebudayaan dan hubungan kemanusiaan.

"Persidangan Plenari ASEA UNINET ke-13 telah pun dirasmikan pada 18 Februari lalu oleh Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Putrajaya dan hari ini giliran UTeM untuk menerima kunjungan delegasi bagi majlis penutup," jelas Dr. Mohamad Kadim.

UTeM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) merupakan universiti yang menganggotai ASEA UNINET mewakili negara ini.

"Pihak universiti dan urusetia mengambil kesempatan memperkenalkan keunikan kebudayaan masyarakat Malaysia serta mempromosikan produk pelancongan negeri Melaka kepada delegasi yang datangnye dari Itali, Austria, Jerman serta negara-negara Asia Tenggara," kata Dr. Mohamad Kadim.

Sesi lawatan ke tapak warisan dunia di Banda Hilir turut dianjurkan selepas kunjungan delegasi ke Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal.

Majlis penutup diserikan lagi dengan kehadiran Datuk Wira Ir. Idris Haron yang mewakili Ketua Menteri Melaka dalam satu majlis keraiian bersama delegasi ASEA UNINET di Hotel Equatorial Melaka.





UTeM Kekalkan Status KAMPUS BEBAS ASAP ROKOK

28 Februari : UTeM terus mengulangi kejayaan pada tahun 2011 apabila berjaya mengekalkan status kampus bebas asap rokok serta mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bertempat di Sunway Medical Centre Subang, Menteri Kesihatan Dato' Sri Liow Tiong Lai yang menyempurnakan perasmian kempen "The Blue Ribbon" telah menyampaikan sijil penghargaan kepada UTeM di atas komitmen yang ditunjukkan dalam mewujudkan persekitaran bebas asap rokok.

Kempen "The Blue Ribbon" dianjurkan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengiktiraf usaha-usaha yang diambil oleh pelbagai organisasi untuk memelihara hak bukan perokok serta bertanggungjawab menyedarkan orang ramai terhadap bahaya rokok.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff dalam satu kenyataannya berkata, pihak pengurusan universiti sangat mengambil berat terhadap inisiatif menjadikan ketiga-tiga kampus UTeM di negeri ini sebagai kawasan bebas asap rokok.

"Pelbagai program dan aktiviti bersama mahasiswa mahupun staf telah dilaksanakan dan akan diteruskan lagi bagi memastikan kempen yang dianjurkan oleh kerajaan dan agensinya benar-benar berkesan," jelas beliau ketika ditemui.

Dalam pada itu, Dr. Ahmad Yusoff menyeru warga universiti tersebut agar terus komited menjadikan persekitaran kampus sejahtera serta mewujudkan komuniti sihat tanpa ancaman asap rokok.

Pada majlis penyampaian sijil penghargaan itu, UTeM dan Universiti Sains Malaysia (USM) mencatat sejarah sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang diiktiraf sebagai kampus bebas asap rokok di negara ini.

Turut diadakan pada hari tersebut ialah pameran-pameran inisiatif mewujudkan kawasan bebas asap rokok daripada organisasi yang mendapat pengiktirafan kempen "The Blue Ribbon."

Antara usaha dilaksanakan UTeM yang mendapat pengiktirafan MySihat adalah seperti penguatkuasaan sepenuhnya larangan merokok di dalam premis universiti, pemantauan bersama penguatkuasa Kementerian Kesihatan serta mewujudkan klinik berhenti merokok di samping aktiviti-aktiviti seperti ceramah dan pameran.



23 Februari : Penyelidik(UTeM terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai Malaysia Technology Expo 2013 (MTE 2013) di Kuala Lumpur yang berakhir hari ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih empat pingat emas, lima perak dan tujuh gangsa menjadikan sejumlah 16 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan. Salah satu produk UTeM iaitu DinarPal yang meraih pingat emas turut dinobatkan sebagai penerima "The Very Best Award" oleh penganjur.

DinarPal merupakan sistem atas talian yang membolehkan bayaran dan perpindahan wang dilakukan secara elektronik yang bercagarkan emas dan perak mengikut kaedah pajak gadai Islam (Ar-Rahnu).

Idea kreatif ini dibangunkan oleh Prof .Madya Dr. Sazilah Salam, Rashid Rashidi dan Wan Sazi Nasaruddin Saifudin dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) berjaya menarik perhatian pelbagai pihak.

UTeM CEMERLANG RAIH 16 Pingat di MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2013

"DinarPal menggabungkan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) serta gerbang pembayaran elektronik yang dijangka menarik minat pengguna untuk berurusan dalam pelbagai aktiviti seperti membeli-belah dan pembayaran secara atas talian yang lebih selamat, mudah dan berasaskan sistem kewangan Islam," jelas Dr. Sazilah.

Manakala Engr. Vigneshwara Rao Gannapathy dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) melalui inovasinya "e-Alert: An Automatic Accident Notification System Via Smartphone" merangkul anugerah emas serta turut dipilih sebagai penerima "The Best Award".

Kejayaan UTeM dalam MTE 2013 mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk ke peringkat global.

Bagi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor ketika ditemui berkata, kejayaan penyelidik universiti itu di MTE 2013 membuktikan bahawa hasil usaha tanpa jemu penyelidik UTeM membuahkan hasil serta mampu memberi impak besar kepada perkembangan teknologi masa kini.

Beliau yang ditemui berkata, UTeM sebagai IPTA teknikal di negara ini akan terus menggandakan usaha untuk mempelopori bidang penyelidikan berteraskan teknologi tinggi bagi merealisasikan visi ke arah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.





PUSPANITA *Cawangan UTeM*

Bertekad Terajui Kecemerlangan Komuniti

12 Mac : PUSPANITA Cawangan UTeM disaran mengekalkan kecemerlangan sedia ada serta membuat anjakan dengan berfikir secara kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab serta amanah untuk menempuh era transformasi.

Demikian saranan Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan sewaktu berucap merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan UTeM kali ke-4 di Kampus Induk Durian Tunggal.

Beliau yang juga Penasihat PUSPANITA Cawangan UTeM menyerankan persatuan berkenaan bergerak seiring dengan kemajuan teknologi ICT dan media sosial seperti 'facebook' dan 'twitter' yang semakin popular penggunaannya di kalangan generasi Y.

"Penggunaan media sosial secara tidak langsung boleh digunakan untuk menarik lebih ramai golongan wanita di UTeM menyertai PUSPANITA sekaligus mengikuti pelbagai aktiviti serta menyebarkan peranan yang dimainkan oleh badan tersebut ke arah komuniti sejahtera," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau yakin PUSPANITA Cawangan UTeM mampu dijadikan platform oleh wanita tidak kira staf mahupun isteri staf untuk menyumbang ke arah sesuatu yang dapat meningkat serta melonjakkan wanita UTeM ke arah kecemerlangan.

Tambah Dr. Ahmad Yusoff, sebagai sebuah badan kebajikan sosial, PUSPANITA mampu melebarkan skop dengan tidak hanya tertumpu pada program atau aktiviti yang berkisarkan kebajikan mahupun isu wanita, malah diperluaskan kepada kepentingan masyarakat amnya di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Hadir sama Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM Datin Sara Ayub, Timbalan Pengerusi Datin Kartini Ahmad dan pegawai-pegawai kanan UTeM.

Turut berlangsung pada majlis berkenaan ialah pelancaran buku masakan Resepi Selera Bonda terbitan Biro Promosi dan Seranta PUSPANITA Cawangan UTeM yang memuatkan 50 resepi hasil sumbangan ahli-ahlinya, penyampaian hadiah anak-anak ahli PUSPANITA yang mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR dan PMR bagi tahun 2012, pembubaran AJK Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan UTeM tahun 2011/2012 dan pelantikan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan UTeM tahun 2013/2015.



Karnival Pengajian Tinggi Negara 2013 Zon 4 **CAPAI SASARAN**


24 Februari : Karnival Pengajian Tinggi Negara 2013 (KPTN 2013) Zon 4 yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Ayer Keroh berjaya mempromosi dan menarik minat golongan sasaran untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Karnival selama dua hari tersebut menyaksikan penyertaan lebih 200 pempamer terdiri daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), agensi-agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta institusi perbankan yang menyalurkan maklumat kepada pelajar-pelajar dan ibu bapa yang hadir.

Menurut Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) UTEM selaku penyelarass karnival, Mohd Nizam Pavel berkata, sambutan yang diterima pada tahun ini sangat menggalakkan di mana pengunjung mula memenuhi dewan pameran sejak awal pagi dan berterusan hingga lewat petang.

Beliau turut menganggarkan seramai 45 ribu orang pengunjung telah hadir selama dua hari karnival tersebut berlangsung.





UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Kunjungan Ilmiah UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ke PEJABAT PENDAFTAR UTeM

13 Mac : Pejabat Pendaftar UTeM hari ini menerima kunjungan ilmiah dari Bahagian Governan dan Pentadbiran Am, Pejabat Pendaftar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti telah dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Masdzarif Mahat disertai pegawai-pegawai dari Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan serta Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar UTeM.

Kunjungan ini bertujuan berkongsi ilmu berkenaan proses pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Pengurusan Polisi, Pekeliling dan Peraturan di Universiti serta Pengurusan Fail.

Pelbagai maklumat telah dikongsikan bersama terutama mengenai pelaksanaan dan cadangan untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan mesyuarat. Respon positif telah diterima daripada kedua-dua universiti hasil daripada kunjungan ini.

Perkongsian seperti ini dilihat sebagai titik permulaan antara kedua-dua universiti dalam membina jaringan ukhwa yang seterusnya membolehkan kedua-dua belah pihak untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi idea demi mempertingkatkan kualiti dan prestasi perkhidmatan di organisasi masing-masing.



1 April : Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Karnival Buku dan Komputer bertempat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk UTeM baru-baru ini.

Yang DiPertua MPP Muhamad Noor Rushdan Abdullah berkata, karnival itu bertujuan untuk memudahkan pelajar memanfaatkan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M).

Menurutnya, program itu juga bagi membantu pelajar universiti itu mendapatkan aksesori komputer pada harga murah berbanding di pasaran bagi tujuan kemudahan pembelajaran.

"Selain itu, penganjuran program ini membolehkan pelajar menjadikan PPP meriah dengan pelbagai aktiviti bersesuaian dengan peranannya sebagai tempat tumpuan pelajar," jelas Rushdan.

Karnival selama tiga hari itu turut disertai beberapa buah syarikat buku dan pembekal peralatan komputer di negeri ini.

Sementara itu, bagi pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) Nur Farahin Mokhtar berkata, karnival tersebut membolehkan beliau membeli keperluan akademik dan peralatan komputer dengan harga yang murah untuk digunakan sewaktu kuliah.

Sementara itu bagi seorang pelajar Ho Wah Chong dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) berkata, karnival itu perlu diadakan lebih kerap bagi memudahkan pelajar mendapatkan buku dan aksesori komputer dengan lebih mudah.



MPP UTeM Bantu Pelajar Manfaatkan BB1M

5 Mac : Kolej Kediaman UTeM Taman Bertam Perdana di Pulau Gadong hari ini menganjurkan Kempen 3S iaitu Senyum, Sapa, Salam di perkarangan kolej kediaman berkenaan.

Menurut Pengarah Program, Siti Fauziah Md Taib berkata, program tersebut diadakan bertujuan mengeratkan lagi silaturahim serta kemesraan di antara penghuni kolej kediaman yang terdiri daripada pelajar tahun 1 dan tahun 2 Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT).

Menurut Pengetua Kolej Kediaman Taman Bertam Perdana, Yunus Ali ketika ditemui berkata, penganjuran program itu bertujuan mengeratkan hubungan serta memberi kesedaran mendalam terhadap isu keselamatan dan kesihatan warga kolej.

Turut diadakan taklimat keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang disampaikan oleh DSP Gan Chi Poh, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Daerah Melaka Tengah. Beliau berkongsi panduan mengelakkan berlakunya jenayah di kalangan penghuni kolej sama ada berada di kawasan kampus, mahupun di luar kampus.

Kolej Kediaman Taman Bertam Perdana Anjur KEMPEN 3S

Taklimat peraturan keselamatan universiti dan perkongsian isu-isu kesihatan kemudiannya disampaikan oleh Timbalan Pengarah Keselamatan UTeM, Norizan Khalid dan Dr. Muhammad Takrimi Shahabudin dari Klinik Pelajar UTeM.



150 MAHASISWA HADIRI KURSUS FASLITATOR



30 Mac : Seramai 150 mahasiswa dari pelbagai fakulti telah mengikuti kursus fasalitor bagi menghadapi program Minggu Haluan Siswa (MHS) di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut penyelaras program yang juga Penolong Pendaftar Unit Kerjaya dan Alumni, Haji Razali Abdol Jalil, program yang akan berlangsung sehingga bulan Mei ini bertujuan untuk mempersiapkan fasilitator dengan ilmu dan kemahiran bagi menghadapi MHS yang akan berlangsung pada bulan September nanti.

Antara program yang dijalankan ialah sesi suaikenal, latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah, program motivasi, simulasi semasa hari pendaftaran pelajar baru serta kursus kenegaraan yang dianjurkan bersama Biro Tatanegara Cawangan Melaka di Kem Ulu Sepri, Rembau.

Beliau mengharapkan dengan adanya kursus ini ianya mampu melahirkan golongan fasalitor yang berkemahiran dalam komunikasi dan memupuk semangat kerjasama sesama ahli kumpulan serta berganding bahu merealisasikan aspirasi UTeM untuk menjadi IPTA Teknikal yang terulung.

Delegasi Hassan II Academy of Science and Technology yang berpangkalan di Rabat, Morocco diwakili oleh Prof. Tijani Bounahmidi dan Prof. Mohamed Belaiche melahirkan rasa kagum terhadap perkembangan penyelidikan tenaga melalui pelbagai inisiatif dilaksanakan di UTeM.

MPP ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM telah menganjurkan Majlis Makan Malam Perdana di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Melaka baru-baru ini.

Menurut Yang DiPertua MPP UTeM, Muhamad Noor Rusdan Abdullah berkata, majlis itu dianjurkan bagi mendekatkan lagi badan itu bersama mahasiswa melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan.

Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (HEPA), Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, pegawai-pegawai HEPA serta 200 orang mahasiswa.

Di dalam ucapannya, Prof. Dr. Marizan mengharapkan pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan oleh MPP serta membantu universiti untuk mencapai kecemerlangan khususnya pembentukan jati diri mahasiswa yang dinamik.

Antara acara yang dijalankan adalah seperti cabutan bertuah, persembahan nyanyian dan tarian serta persembahan muzik tradisional gamelan.



FPTT SUNTIK SEMANGAT MAHASISWA CEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

6 Mac : UTeM terus melaksanakan inisiatif memperkasakan program keusahawanan di universiti melalui penganjuran pelbagai aktiviti bersama mahasiswa.

Satu siri forum dalam bidang keusahawanan dianjurkan hari ini oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) dengan kerjasama Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) menampilkan tiga orang panel terdiri daripada alumni UTeM yang kini bergelar usahawan.

Alumni UTeM yang dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam bidang keusahawanan ialah Engr. Azrul Aziz selaku Pengarah Urusan G2com Technologies Sdn. Bhd. yang juga salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UTeM, Syed Mohd. Firdaus Syed Abidin Pengarah Urusan Amtis Solution Sdn. Bhd. dan Siti Khadijah Ab. Yusop, Pengarah Urusan Jalinan Emas Resources Sdn. Bhd.

Menurut Dekan FPTT, Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati Tahir berkata, matlamat forum tersebut adalah sebagai platform dalam memberikan pendedahan kepada mahasiswa mengenai perkembangan semasa bidang keusahawanan di samping mendekatkan warga universiti dengan industri. "Pihak fakulti juga berharap pertemuan bersama alumni UTeM yang kini telah berjaya sebagai usahawan berupaya memberikan motivasi dan semangat untuk mahasiswa mencontohi mereka pada masa hadapan," kata Dr. Md Nor Hayati.

Sementara itu, Engr. Azrul Aziz dalam ceramahnya memberikan kata-kata semangat dan menggalakkan mahasiswa mempersiapkan diri mereka dengan nilai tambah dan kemahiran insaniah khususnya dalam bidang komunikasi. Manakala bagi Syed Mohd Firdaus berkata, perkembangan teknologi maklumat seharusnya dilihat sebagai peluang yang terbuka luas untuk memulakan dan memajukan perniagaan. Beliau menjelaskan bahawa interaksi sosial di alam maya seperti facebook jika digunakan sebaiknya mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Bagi usahawan wanita alumni UTeM, Siti Khadijah pula menyeru mahasiswa yang berminat menjadi usahawan boleh memulakan perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dahulu.

Saranan itu berdasarkan pengalaman beliau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan semasa belajar di UTeM dengan mempelajari selok-belok perniagaan dan mendorong beliau untuk berfikir kreatif dan bersemangat waja dalam menghadapi rintangan.



PELAJAR FTK ANTARA 5 TERBAIK DALAM PERTANDINGAN INOVASI "DiGi CHALLENGE FOR CHANGE"



20 Mac : Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) sekali lagi menempa kejayaan apabila salah satu projek seorang pelajar tahun 2 fakulti itu, Nurul Hatiqah Harun, berjaya menempatkan diri dalam senarai lima projek terbaik dari 2,000 penyertaan dalam pertandingan DiGi Challenge for Change baru-baru ini. Idea Nurul Hatiqah bertajuk "isign Language" telah terpilih di antara lima terbaik dari kalangan 2000 penyertaan dalam kategori Perkongsian Bersama pada DiGi Challenge for Change anjuran syarikat telekomunikasi terkemuka, DiGi yang berlangsung di Pusat Digi Utama, Shah Alam. Pertandingan inovasi itu merupakan pertandingan yang membuka penyertaan kepada semua rakyat Malaysia bertujuan untuk mengumpul seberapa banyak idea-idea terbaik dalam bentuk aplikasi mudah alih yang bermanfaat secara sosial dan relevan kepada masyarakat Malaysia.

Menurut Nurul Hatiqah, idea penghasilan "isign Language" terbit dari sifat keperihatinannya untuk membantu golongan yang mempunyai masalah pendengaran di negara ini. "Saya berasa terpenggil untuk menghasilkan sesuatu yang dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi golongan masalah pendengaran terutama dalam melibatkan komunikasi dan memudahkan lagi cara perhubungan sesama mereka," katanya. Bagi penyelia projek "isign Language" ini, Aminurrashid Noordin dan Muhammed Noor Hashim, kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan kepada FTK dan UTeM amnya dalam membudayakan aktiviti inovasi di kalangan masyarakat keseluruhannya serta menjadi pemangkin kepada kejayaan di masa akan datang.



FTK Lancar Aplikasi iFTK untuk iPad & iPhone



26 Februari : Seiring perkembangan pesat dunia teknologi masa kini, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mengambil satu langkah proaktif dengan melancarkan aplikasi "iFTK" yang menyediakan kemudahan capaian kepada pengguna iPhone, iPad serta iPod di seluruh dunia.

Menurut Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, aplikasi "iFTK" yang sudah mendapat kelulusan piawaian dari pihak Apple Inc. ini telah pun berada di App Store sejak beberapa bulan yang lalu.

"Aplikasi "iFTK" versi 1.0 ini dengan hanya bersaiz 7MB kini berada di talian dan sedia untuk dimuat turun secara percuma," kata beliau. "Melalui aplikasi tersebut, pengguna dapat mengetahui lebih mendalam tentang info berkaitan

FTK seperti latar belakang serta objektif penubuhan fakulti yang baru mahu menjangkau usia dua tahun penubuhannya, selain misi, visi, motto, carta organisasi fakulti dan sebagainya", ujarinya lagi.

Tambah beliau, aplikasi ini juga turut membolehkan para pelajar fakulti melihat senarai mata pelajaran pada setiap semester pengajian, dan juga kemudahan untuk menghubungi staf-staf fakulti, baik dari kalangan tenaga akademik sehinggalah ke pihak pengurusan fakulti sekiranya ingin bertanyakan soalan atau membuat temujanji.

Aplikasi "iFTK" yang dibangunkan sendiri oleh beberapa orang tenaga pengajar dari fakulti ini, antaranya Shamsul Fakhur Abd Gani dan Mohd Saad Hamid bakal

diperluaskan lagi kepada pengguna Android pula pada masa hadapan. "Dengan mengambilkira sambutan terhadap aplikasi "iFTK" yang baru dilancarkan ini, serta maklum balas dan cadangan-cadangan yang telah diterima, kami dari pihak fakulti sedang menyusun satu pendekatan yang lebih strategik untuk memperluaskan lagi capaian aplikasi, selain menambah baik aplikasi yang telah sedia ada", jelas Shamsul Fakhur. Mengulas lanjut beliau berkata, aplikasi ini juga akan dipertingkatkan untuk memuatkan fungsi-fungsi seperti peta interaktif kampus UTeM dengan bantuan GPS, capaian portal melalui aplikasi yang mana pelajar boleh menyemak keputusan peperiksaan secara terus dan banyak lagi.

KURSUS PENGURUSAN SUKAN 2013



14 Mac : Seramai 44 orang staf UTeM hari ini mengikuti Kursus Pengurusan Sukan 2013 yang berlangsung di Auditorium Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM, Dr. Asiah Hj. Mohd Pilus berkata, penganjuran kursus tersebut bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sukan universiti di kalangan pelajar dan staf seiring dengan Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi.

Jelas beliau lagi, ianya juga bagi meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan sukan, sama ada pengurusan penganjuran atau pengurusan pasukan seterusnya menjadi faktor penyumbang kepada kejayaan universiti dalam kejohanan sukan yang disertai pada masa akan datang.



Beberapa tokoh penting dalam pembangunan sukan institusi pengajian tinggi telah diundang bagi berkongsi maklumat dengan peserta antaranya Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Dr. Saharudin Hj. Ismail yang membentangkan Dasar Sukan Institusi Pengajian Tinggi: "The Thinking Athletes", manakala Pengarah Pusat Sukan UiTM Shah Alam, Mustaza Ahmad menerangkan dengan terperinci elemen pengurusan kemudahan sukan.

Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Muhammad Iskandar Shah Ab. Ahmid dari Pusat Islam UTeM turut dijemput bagi membentangkan topik Etika dan Moral Professional Dalam Sukan yang menyentuh aspek ibadah dan integriti menurut pandangan Islam.



Mahasiswa UTeM

Meriahkan Sambutan

PESTA PONGGAL

12 Mac : Sambutan Pesta Ponggal di UTeM anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian India berlangsung dengan meriah di perkarangan Pusat Persatuan Pelajar, Kampus Induk UTeM baru-baru ini.

Menurut pengarah program tersebut, Suresh Pillai berkata, objektif penganjuran acara itu adalah untuk mengefektifkan keistimewaan tradisi masyarakat India dan juga memupuk perpaduan di antara kaum.

"Seramai 150 orang pelajar pelbagai kaum menyertai Pesta Ponggal ini dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut fakulti masing-masing," jelas Suresh.

Menurut beliau lagi, Pesta Ponggal bagi masyarakat India kebiasaannya diraikan pada pertengahan bulan Januari bagi merakamkan Uttarayan atau pergerakan matahari menuju ke

utara. "Seawal-pagi penganut agama Hindu membuat persiapan untuk memasak Ponggal dalam periuk tanah liat. Susu dimasak hingga melimpah keluar membawa maksud bahawa kehidupan seseorang akan dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan.

"Susu kemudian akan dicampur beras, gula merah, buah pelaga, badam, buah gajus, kismis dan minyak sapi," kata Suresh ketika ditemui di tapak pesta itu.

Turut diadakan pertandingan membuat Kolam oleh pelajar UTeM. Ia sebagai tanda jemputan untuk menyambut Dewi Lakshmi, Dewi Kemakmuran ke dalam rumah. Kolam yang berwarna digunakan sebagai hiasan dalam upacara perkahwinan, musim perayaan dan sebagai tanda menyambut tetamu. Selain itu pertandingan mengikat "Thoranam", "Uri

Adothal", membuat inai tercantik turut diadakan.

Turut hadir memeriahkan Pesta Ponggal di sini ialah Pembantu Khas kepada Ketua Menteri Melaka, Datuk MS. Mahadevan, Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali serta pegawai-pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).



20 Mac : Unit Kaunseling Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM telah menganjurkan Program Ceria Minda Sejahtera Kehidupan dalam usaha mempromosikan pendidikan kesihatan mental di kalangan pelajar baru-baru ini.

Menurut Pegawai Psikologi UTeM, Hadibah Tahir berkata, program yang diadakan di Kampus Induk UTeM dan di Pantai Puteri, Tanjung Kling Melaka bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kesejahteraan psikologi, mempromosikan gaya kehidupan yang berkualiti dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental individu.

Selain itu, peningkatan tahap tekanan yang berlebihan dan tanggungjawab sosial yang rumit adalah antara faktor yang menyumbang kepada ketidakejahteraan kehidupan seseorang itu.

UNIT KAUNSELING Pelajar Anjur Program Ceria Minda Sejahtera Kehidupan

"Masalah kesihatan mental yang wujud dan berlaku di kalangan pelajar universiti seperti tekanan, kemurungan dan introvert merupakan kesan akibat daripada bebanan emosi dan tanggungjawab serta gaya hidup yang kompleks pada masa kini katanya lagi.

Antara program yang dijalankan ialah sesi ice breaking, latihan dalam kumpulan, sukaneka, aktiviti memancing serta perkhemahan. Turut hadir Penolong Naib Canselor HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad.





MAHASISWA UTeM DIDEDAH BUDAYA SERUMPUN DI SUMATERA BARAT

Seramai 30 mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terlibat dalam Program Siswa Turun Ke Desa di Kampung Lubuak Batingkok, Padang, Indonesia baru-baru ini.

Program anjuran Sekretariat Anak Melaka (SAM) UTeM yang mendapat kerjasama dari kerajaan negeri dan Kabupaten Lima Puluh Kota Sumatera Barat itu adalah sebagai pendedahan kepada golongan mahasiswa terhadap budaya serumpun.

Penasihat SAM yang juga Pegawai Kebudayaan UTeM, Amir Ali berkata, program itu antara lain membolehkan mahasiswa universiti tersebut mengenal dan mengetahui budaya masyarakat Minang di Sumatera Barat.

Antara program yang diadakan ialah program anak angkat, sukan tradisional bersama penduduk, jelajah Payakumbuh, gotong royong membina kincir air serta pemasangan sistem solar di kampung tersebut.

Turut diadakan malam kesenian masyarakat Minangkabau yang mana pelajar dihiburkan dengan kebudayaan serta adat perkahwinan masyarakat setempat.

Menurut Amir, program itu diharapkan membantu mahasiswa terlibat mengenali cara hidup dan kepelbagaian budaya di dalam masyarakat Negara tersebut serta dapat mencungkil bakat bagi perancangan dan pelaksanaan sesuatu program yang memerlukan gerak kerja yang tersusun dalam pasukan.



MAHASISWA FPTT *Ikuti* PROGRAM CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA (CIP)

CIPKPS 2013
CABARAN INTERAKTIF PENGGUNA
KELAB PENGGUNA SEKOLAH
PERINGKAT NEGERI MELAKA

20 Mac : Seramai 10 orang pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) telah dijemput oleh Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Melaka (PPDNKK) bagi merasai pengalaman Cabaran Interaktif Pengguna (CIP) yang berlangsung di Politeknik Merlimau.

Menurut penasihat dan urusetia bersama program itu, Isma Addi Jumbri berkata, objektif program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mengembangkan daya kreativiti, inovasi dan potensi diri pelajar berkaitan aspek kepenggunaan.

Aspek-aspek seperti pengurusan kewangan, pemakanan sihat dan pemeliharaan alam sekitar turut dimuatkan dalam modul CIP tersebut. Selain merasai pengalaman, pelajar FPTT turut terlibat sebagai urusetia dalam program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah 2013 (CIPKPS 2013).

Pengarah PPDNKK Melaka, Muhabir Ibrahim yang hadir dalam program itu turut menggalakkan mahasiswa khususnya di UTeM untuk menubuhkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS). Jelasnya, penubuhan GPS di institusi pengajian tinggi akan turut membantu kerajaan dalam membentuk minda kepenggunaan dan mahasiswa yang bijak serta prihatin terhadap isu-isu kepenggunaan.



PEJABAT PEMBANGUNAN BUKTIKAN KECEMERLANGAN

Program
PERINTIS
MENERAJUI PERUBAHAN
Pejabat Pembangunan

Bil.2/2013

25 Mac :
Program PERINTIS Siri 2/2013 yang diadakan di tapak aktiviti ko-kurikulum baru-baru ini berjaya menyuntik semangat warga Pejabat Pembangunan ke arah budaya kerja berprestasi tinggi.

Naib Canselor, Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang hadir merasmikan program tersebut menyeru warga Pejabat Pembangunan agar memanfaatkan setiap ilmu dan pengalaman yang diperolehi untuk diaplikasikan dalam tugas harian seterusnya menyumbang kepada kejayaan universiti.

PERINTIS merupakan satu program dalaman yang mensasarkan pembentukan pasukan yang mantap beserta suntikan pemikiran kreatif yang akan digunakan untuk membangunkan universiti.

Pengisian program tersebut melibatkan aktiviti fizikal, gerak kerja berkumpulan serta program kerohanian yang dianjurkan sepenuhnya di dalam Kampus Induk menggunakan kepakaran dalaman. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti "eco escapade" iaitu program kembara melibatkan beberapa tugas yang perlu diselesaikan sepanjang perjalanan.

Turut dimuatkan kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan itu mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.



RAKAN EXCO BANTU MPP LAKSANA TANGGUNGJAWAB LEBIH BERKESAN

22 Mac : Seramai 150 mahasiswa telah dilantik sebagai rakan Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM sebagai langkah memperkasakan badan yang mewakili suara mahasiswa itu.

Satu sesi penyampaian sijil lantikan telah diadakan dalam Majlis Ramah Mesra dan Sesi Dialog Bersama Rakan Exco MPP di Pusat Persatuan Pelajar di Kampus Induk UTeM baru-baru ini.

Menurut Yang DiPertua MPP UTeM, Muhamad Noor Rushdan Abdullah berkata, pelantikan tersebut bertujuan membantu exco MPP terutamanya dalam menjaga hal kebajikan dan kemudahan pelajar.

"Sebanyak 28 portfolio telah diwujudkan di bawah MPP UTeM merangkumi kemudahan dan kebajikan pelajar, penempatan,

sahsiah, kepimpinan, perhubungan antarabangsa serta keusahawanan," jelas beliau.

"Justeru, dengan tertubuhnya rakan exco MPP, sebarang maklumbalas atau tindakan kepada perkara berkaitan keperluan mahasiswa dapat disampaikan dengan segera kepada pengurusan universiti," kata Rushdan lagi.

Rushdan dalam ucapannya di majlis tersebut melahirkan penghargaan di atas penyertaan mahasiswa terbabit dan menyeru rakan-rakan exco untuk bersama-sama melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti MPP tanpa mengesampingkan akademik dan seterusnya menjadi pemimpin mahasiswa yang berdedikasi bertanggungjawab.



21 Feb : Ahmad Saufi bin Ahmad Jawahir, pelajar tahun 2 jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) baru-baru ini dinobatkan sebagai johan Pidato Kenegaraan 2013.

Ahmad Saufi dari Kelab Debat dan Pidato (KDP) UTeM telah membawa nama UTeM buat pertama kalinya dalam Pertandingan Pidato Kenegaraan ini dengan membawa tajuk Transformasi Pertanian: Cabaran dan Peranan yang Dimainkan oleh Generasi Muda.

Beliau telah berjaya mengenyepikan cabaran daripada lebih 30 para peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi lain dari seluruh negara. Selaku pemegang takhta johan beliau telah menerima wang tunai berjumlah RM 3,000 serta plak, sijil dan piala manakala naib johan pula menjadi milik Asri Mohamad dari Universiti Malaya yang meraih hadiah wang tunai berjumlah RM 2,000 plak dan sijil.

Manakala Nur Hidayah Omar dari Kolej Matrikulasi Melaka menenangi tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM 1,000. Hadiah-hadiah

telah disampaikan oleh Pengerusi Felda Tan Sri Dr. Rahim Tamby Chik. Ketika ditemubual oleh pihak media Ahmad Saufi berkata, beliau berasa amat gembira dengan kejayaan ini kerana secara tidak langsung telah melonjakkan nama UTeM di peringkat nasional dalam arena pidato.

Kejayaan ini juga turut menjadi suntikan semangat dan motivasi kepada KDP UTeM kini berazam untuk meneruskan usaha bagi menjuarai pertandingan debat dan pidato antara universiti pada masa akan datang.



Mahasiswa UTeM **JOHAN** Pidato Kenegaraan 2013

Program Memperkasa TOKOH NILAM Di UTeM

27 Mac : Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Melaka dan Persatuan Perpustakaan Sekolah-sekolah Negeri Melaka (PUSTAKAM) telah menganjurkan Projek Memperkasa Tokoh NILAM (Pertandingan Nadi Ilmu Amalan Membaca) 2013.

Melalui program tersebut, empat calon Tokoh Nilam dari negeri ini dibawa melawat Kampus Induk UTeM di samping mengikuti beberapa sesi taklimat dan suntikan motivasi bagi memperkasakan keyakinan mereka menghadapi pertandingan peringkat kebangsaan yang bakal berlangsung.

UTeM menjadi salah satu dari tempat yang dipilih oleh pihak penganjur bagi calon terpilih untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Pelajar-pelajar tersebut telah dibawa melawat kemudahan yang terdapat di fakulti serta diberi penerangan mengenai peluang pendidikan, kerjaya serta berpeluang untuk meninjau dengan lebih dekat suasana sebuah universiti teknikal yang tersohor di negeri ini.

Pelajar-pelajar berkenaan adalah Nurul Nabila Nasrul dari Sekolah Kebangsaan Dato' Demang Husin, Siti Nur Aishah Rahmat dari Sekolah kebangsaan Dato' Nanning, Nurafika Abd. Aziz dari Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Mas dan Nur Syafini Fitrah Kamarudin dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dang Anum.



Kompilasi Keratan Akhbar

Feb/Mac 2013



Mohamed Khalid bersama sebahagian peserta Program Pembangunan dan Keboleposaran Graduan di WD Media (Malaysia) Jalan Keluli Pasir Gudang

"Dalam melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan"

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

Pesta Ponggal UTeM Meriah



DURIAN TUNGGAL, 12 Mac - Pesta Ponggal UTeM Meriah 2013 yang dianjurkan oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) semalam berlangsung dengan meriah di Pusat Perayaan UTeM. Pesta Ponggal ini diadakan untuk memperingati perayaan Ponggal kaum Melayu.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Pesta Ponggal ini diadakan untuk memperingati perayaan Ponggal kaum Melayu dan juga untuk mempromosikan budaya Melayu.

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

GDEP lebih tumpu bidang HDD, media

150 pelajar peringkat... Graduan (GDEP)...

Kempen 'The Blue Ribbon' UTeM Kekalkan Status Kampus Bebas Asap Rokok



UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

UTeM juara Karnival IPT 2013



MELAKA 12 Mac - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dinobatkan sebagai juara keseluruhan Karnival Sukan Institusi Pengajian Tinggi Negeri Melaka 2013 yang berlangsung di Stadium UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Siswa UTeM menyumbangkan bakti di Indonesia

Program ini bertujuan untuk...

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Program Ceria Minda Sejahtera Kehidupan



Program ini bertujuan untuk...

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

Pantau Keselamatan Warga Kampus UTeM Tubuh Polis Bantuan



Program ini bertujuan untuk...

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

Majlis Peryerahan SAKELULUHAN PENYALUTAN



Program ini bertujuan untuk...

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

Jelajah Alumni UTeM



Program ini bertujuan untuk...

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

Mohamed Khalid Nordin, Menteri Penajaan Tinggi

UTeM melancarkan dan memastikan usaha itu berjaya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dilantik sebagai sekretariat GDEP untuk menyelia program berkenaan.

KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahman



Shahril Hazizi Abu Bakar

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman



UTeM *Alngguli* KARNIVAL SUKAN IPT NEGERI MELAKA 2013

3 Mac : UTeM melakar sejarah tersendiri apabila menjadi johan keseluruhan untuk kali kedua pada Karnival Sukan IPT Negeri Melaka 2013 yang diadakan di Kompleks Sukan UTeM .

Pasukan UTeM yang menyertai semua 29 acara pertandingan mendapat 14 emas, 9 perak dan 4 gangsa. Antara acara emas dimenangi dalam acara badminton campuran, basikal lasak MTB, bola keranjang lelaki dan wanita, bolasepak 9 sebelah, catur campuran, pigpong campuran, dart terbuka, sepaktakraw antara bergu dan tenpin bowling.

Menurut Ketua Pusat Sukan UTeM Dr. Asiah Hj. Mohd. Pilus, kejayaan kontinjen UTeM adalah di luar jangkaan kerana universiti hanya menasaskan 10 pingat emas sahaja pada kejohanan tahun ini.

Dengan kemenangan yang menggalakkan itu ianya akan menjadi perangsang bagi pasukan UTeM dalam menghadapi kejohanan-kejohanan sukan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM), Sukan Badan Berkanun dan lain-lain sukan yang akan dianjurkan.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Lendu dengan mendapat 6 emas, 5 perak dan 4 gangsa manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Politeknik Merlimau dengan 2 emas, 4 perak dan 3 gangsa.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Mohd. Rustam. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran, Belia dan Sukan, Datuk Gan Tian Loo, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta ketua-ketua dan Pengarah IPT Negeri Melaka.

Sebanyak 32 IPT di negeri Melaka telah menyertai karnival yang kali kedua diadakan serta dikelolakan bersama kerajaan Negeri Melaka dan semua IPT negeri Melaka. Sebanyak 29 acara sukan telah berlangsung dengan menarik lebih 3,000 orang pelajar dan kakitangan seluruh IPT negeri Melaka.